

## Ikan (*Pisces*) dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif

### Fish (*Pisces*) in the Malay Proverbs: Semantic Inquisitive Analysis

JUNAINI KASDAN, NOR HASHIMAH JALALUDDIN & WAN NURASIKIN WAN ISMAIL

#### ABSTRAK

*Peribahasa Melayu merupakan satu daripada komponen penting dalam puisi Melayu tradisional yang mencorakkan nilai budi orang Melayu, yang telah sebatu dalam kehidupan seharian. Keindahan peribahasa Melayu tidak hanya terpancar melalui susunan kata-kata dan perlambangannya, tetapi lebih jauh daripada itu, peribahasa Melayu adalah paparan tingkah laku, ketinggian ilmu dan falsafah yang terbit daripada akal budi orang Melayu. Satu perkara yang tidak dapat disangkal dalam penciptaan peribahasa Melayu adalah ketinggian tahap regungan orang Melayu terhadap alam sekelilingnya. Oleh itu, kajian ini bertujuan meneroka akal budi dan falsafah orang Melayu yang terkandung dalam peribahasa dengan memberikan tumpuan kepada unsur ikan melalui kacamata semantik inkuisitif. Kajian ini bukan sahaja dapat menghuraikan fenomena yang berlaku dalam peribahasa, malah dapat mencungkil kearifan dan kebijaksanaan orang Melayu pada zaman dahulu yang tinggi daya pemikirannya.*

*Kata kunci: Semantik inkuisitif; ikan (Pisces); peribahasa; haiwan; akal budi Melayu*

#### ABSTRACT

*Malay proverb is one of the important components in Malay traditional poetry which characterized the Malay mind that has been immersed in everyday life. The beauty of the Malay proverbs are not only reflected from the sequencing of the words and symbolism, but also reflecting their behavior, knowledge and philosophy that is base on the mind of Malay people. Hence, this research is carried out to explore the mind and philosophy of Malay people that is contained in proverbs that focus on fish (Pisces) by using the analysis approach of semantic inquisitives. As a result, this research shows that the phenomenon that happens in proverbs are able to be discribed and explore the wisdom of Malay people in the past that are high in intellect.*

*Keywords: Inquisitive semantic; fish (Pisces); proverbs; animal; Malay mind*

#### PENDAHULUAN

Dalam sejarah awal kehidupan manusia, iaitu sejak zaman Nabi Adam a.s. lagi, bahasa telah mula memainkan peranan penting untuk membina konsep diri dan untuk pengilmuan diri manusia. Hal ini dijelaskan dalam al-Quran melalui surah al-Rum, ayat 22:

Dan antara tanda-tanda kekuasaan dan kebijaksanaan-Nya termasuklah kejadian langit dan bumi dan perbezaan bahasa serta warna kulit di kalangan kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan bagi orang yang berpengetahuan.

Awang Sariyan (2009) dan Nor Hashimah (2014) berpendapat bahawa bahasa adalah unsur penting sebagai pengungkap falsafah, ilmu dan pemikiran serta sebagai alat kreativiti insan dalam pelbagai bidang kehidupan. Bahasa pada masyarakat Melayu adalah paparan tingkah laku dan jiwa penuturnya,

sekali gus mencerminkan akal budi penuturnya. Justeru, memahami bahasa bukan sekadar memahami urutan perkataan yang boleh memberi makna, tetapi lebih luas daripada itu, bahasa memerlukan 'mata hati' untuk mentafsirnya bagi mendapatkan makna sebenar yang hendak disampaikan. Menurut Nor Hashimah (2014), keunikan inilah yang telah menarik perhatian ramai sarjana luar dan tempatan untuk mengkaji akal budi Melayu.

#### PERIBAHASA MELAYU

Peribahasa termasuk dalam bahasa kiasan yang mengandungi makna tersirat, wujud kerana masyarakat Melayu mahu menyampaikan sesuatu makna secara analogi atau perbandingan. Masyarakat Melayu menggunakan peribahasa untuk memberi teguran, menyatakan hasrat hati dan melahirkan

perasaan. Melalui rangkap kata yang disusun indah, mereka memuji, menyindir atau menegur dengan cara yang paling halus, tanpa menjatuhkan air muka individu lain tetapi memberikan kesan yang amat dalam. Dalam al-Quran, Allah SWT juga menggunakan pelbagai perumpamaan yang beraneka ragam untuk menjelaskan pelbagai persoalan penting yang mempunyai pengaruh besar dalam mendidik manusia. Firman Allah dalam surah al-Ankabut ayat 43:

Dan perbandingan-perbandingan yang demikian itu, Kami kemukakan kepada umat manusia, dan hanya orang-orang berilmu sahaja yang dapat memahaminya.

Menurut Ahmad Mustafa Al-Maraghy (2001), apabila Allah SWT menggambarkan keadaan sesuatu yang samar, Allah SWT menggunakan bahasa perumpamaan yang biasa digunakan dalam bahasa Arab, misalnya benda mati, tumbuh-tumbuhan atau haiwan, supaya lebih mudah dimengerti dan memberi kesan yang mendalam dalam hati.

Dalam budaya Melayu yang sangat sinonim dengan Islam, perumpamaan yang terzahir melalui peribahasa Melayu, lahir daripada minda Melayu yang sangat peka dengan alam persekitarannya. Menurut Tenas Efendy (2003), peri pentingnya peribahasa hanya akan dapat difahami apabila kita dapat memahami maknanya, dan makna tersebut hanya dapat difahami, sekiranya kita dapat memahami lambang atau simbol yang menjadi inti dalam peribahasa tersebut.

Hakikatnya, kini masyarakat Melayu sudah jarang menggunakan peribahasa dalam pertuturan dan pergaulan sehari-hari. Menurut Edwar D. (1985), peribahasa tidak begitu mendapat perhatian lagi disebabkan wujudnya anggapan bahawa peribahasa hanyalah bahasa klise yang digunakan dan dihafal oleh orang tua-tua dalam upacara tertentu. Peribahasa hanya dipelajari pada peringkat sekolah rendah dan menengah sebagai satu daripada aspek dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Daripada segi penghayatan terhadap peribahasa, khususnya dalam kalangan generasi baru juga masih sangat lemah. Hal ini dibuktikan melalui kajian *Remaja Malaysia dan Peribahasa Melayu* yang dilakukan oleh Nor Hashimah & Junaini (2010). Lebih daripada 60.0% pelajar remaja didapati gagal menguasai kemahiran peribahasa dengan baik, sekali gus memerlukan perhatian khusus daripada pelbagai pihak. Justeru, kajian ini penting bagi meningkatkan kesedaran akan

kepentingan peribahasa, khususnya dalam kalangan generasi muda kerana peribahasa bukan sekadar ungkapan yang mengandungi makna tersirat, tetapi juga mengandungi akal budi Melayu yang dapat dijadikan panduan daripada generasi ke generasi.

## PENGAJIAN PERIBAHASA

Kepentingan peribahasa terlihat melalui pelbagai kajian yang telah dilaksanakan oleh para pengkaji, dalam dan luar negara. Kajian tidak sekadar bertumpu kepada kajian peribahasa secara umum, yang menjelaskan tentang kepentingan penciptaan peribahasa, tetapi juga kajian peribahasa yang lebih mengkhusus berteraskan pendekatan tertentu. Zaitul Azma & Ahmad Fuad (2011) misalnya, mengungkapkan tentang pemikiran masyarakat Melayu secara umum, yang mampu menjana pemikiran mencipta peribahasa. Selanjutnya, Rozaimah & Noriza (2009) menggunakan Teori Relevans; Imran Ho (2011) menggunakan kerangka Ibañez-Moreno; dan Saidatul Nornis & Mohd. Rasdi (2013) menggunakan kerangka etnografi komunikasi mengangkat peribahasa yang berkaitan dengan haiwan untuk menjelaskan perlambangan positif dan negatif dalam peribahasa Melayu. Selanjutnya, dengan membandingkan peribahasa Melayu dan Tamil, Neo, K.S. et al. (2014) dan Ragavan, R. & Che Ibrahim (2015) berjaya menjelaskan bahawa aspek sosial penutur bahasa Melayu dan Tamil mempengaruhi persamaan dan perbezaan elemen yang digunakan dalam peribahasa. Melalui pendekatan linguistik korpus, Hishamudin Isam et al. (2014) pula melihat perubahan makna darah dalam peribahasa Melayu, yang kesemuanya menunjukkan kehalusan dan ketajaman akal budi orang Melayu ketika berbahasa.

Mencermati kajian terdahulu, penyelidik mendapati bahawa pengkajian lebih tertumpu pada peringkat semantik dan kognitif sahaja. Kajian tentang peribahasa tidaklah sebatas pengkajian tentang makna, persamaan atau perbezaan, dan kognitif masyarakat penuturnya semata-mata. Menurut Nor Hashimah (2014), kognitif dan minda adalah dua perkara yang berbeza. Kognitif lebih berupa proses secara abstrak dalam minda selepas terhasilnya *output* dalam bentuk pemikiran yang konkrit. Pemikiran yang konkrit ini dipanggil akal budi yang mencerminkan keintelektualan si penutur. Pengkaji seharusnya dapat mengaitkan dengan akal budi masyarakat Melayu. Banyak

persoalan “mengapa”, dan “bagaimana” dalam peribahasa yang belum diterokai pengkaji terdahulu. Keingintahuan untuk mengungkapkan lebih banyak maklumat daripada segala sumber yang diperoleh, di samping kemampuan untuk mengaitkan data dengan kognitif, budaya dan falsafah dalam mencungkil akal budi penuturnya ini dipanggil sebagai semantik inkuisitif. Menurut Nor Hashimah (2014), pendekatan ini merupakan pendekatan terbaik untuk memahami makna dalam konteks kajian semantik di Malaysia.

Gagasan utama dalam semantik inkuisitif ini adalah untuk meneroka makna ujaran orang Melayu tanpa meninggalkan falsafah dan akal budi Melayu. Menurut pencetus pendekatan semantik inkuisitif, Nor Hashimah (2014), pendekatan ini merupakan satu kaedah yang lebih sesuai bagi menjawab pelbagai permasalahan dalam bahasa Melayu, sama ada daripada aspek tatabahasa, perlambangan atau metafora. Semantik inkuisitif bukan sahaja akan menjelaskan fenomena bahasa pada peringkat kognitif, malah yang menjadi fokus dalam pendekatan ini ialah penerokaan falsafah dan akal budi Melayu. Melalui pendekatan semantik inkuisitif juga ilmu-ilmu dalam bidang yang lain dapat diterokai, walaupun hanya berawal daripada sebaris ungkapan peribahasa. Rasa ingin tahu atau inkuisitif manusia menyebabkan pengetahuan menjadi berkembang. Ivano C., Jeroen G. & Floris R. (2012) dalam nota kuliahnya, *Inquisitive Semantics* menjelaskan, rasa ingin tahu manusia bersifat malar dan sentiasa mendorong manusia untuk terus bertanya dan berfikir.

Bagi tujuan pembahasan, kajian alternatif ini menawarkan unsur ikan dalam peribahasa Melayu yang dikumpulkan daripada pangkalan data *Malaycivilization.com* sebagai bahan perbincangan. Kajian bertujuan menjelaskan makna yang tersirat di sebalik peribahasa yang mengandungi unsur ikan, dan mengungkapkan serta menghuraikan falsafah dan akal budi Melayu tentang ikan melalui kacamata semantik inkuisitif.

*Kamus Simpulan Bahasa* (Abdullah Hassain 2005) mentakrifkan akal budi sebagai “fikiran sihat”. Daripada maksud tersebut diluaskan cakupan maksudnya menjadi berpemikiran tinggi yang bijaksana dan sihat. Menurut Aminudin Mansor (2012), konsep akal budi melalui bahasa dapat dilihat melalui akal yang merupakan anugerah Allah SWT yang sangat istimewa kepada manusia. Dalam kehidupan bangsa Melayu, akal budi dianggap sebagai falsafah dan budaya yang amat istimewa.

Akal budi mencerminkan perbuatan, pemikiran dan sikap seseorang yang mendukung kebijaksanaan, kehalusan jiwa dan keindahan, yang lazimnya tergambar melalui seni tampak dan seni sastera (bahasa).

Akal budi Melayu berawal daripada pemerhatian persekitaran atau disebut sebagai *alam*. Masyarakat Melayu banyak menggunakan kesan-kesan alam sekelilingnya dengan segala kemampuan imaginasi mereka, lalu mengaitkannya dengan aspek kehidupan. Setiap perlakuan yang ada di sekelilingnya diamati menggunakan *akal*. Perhubungan rapat mereka dengan alam sekeliling dan segala makhluk yang mendiaminya menimbulkan *ilham* untuk dijadikannya perbandingan dan perlambangan atau *ibarah* untuk memberi teguran, nasihat atau sindiran agar mudah didengar dan difahami. Keempat-empat unsur tersebut akan bernilai *ilmu* apabila dipelajari, diteliti dan diuji dan selanjutnya disampaikan kepada orang lain untuk *diamalkan* secara berterusan agar bermanfaat. Hal ini sesuai dengan firman Allah SWT dalam surah Ali-Imran, ayat 190,

Seungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang berakal.

Melalui ayat tersebut Allah SWT bukan sahaja menjelaskan tetapi juga menggesa manusia supaya menggunakan kekuatan akal untuk memerhati dan meneliti (melakukan penyelidikan), seterusnya menginsafi segala peristiwa yang terjadi dan merenung mengenai hakikat kejadian dan hubungan dengan diri manusia sebagai makhluk Allah.

## IKAN DALAM PERIBAHASA MELAYU

Ikan, secara sempit didefinisikan sebagai semua jenis haiwan yang termasuk dalam kelas *Pisces*, bertulang belakang (termasuk vertebrata), habitatnya di air, bernafas menggunakan insang, bergerak dan menjaga keseimbangan tubuhnya menggunakan sirip dan berdarah sejuk. *Kamus Dewan* (2004) mendefinisikan ikan sebagai haiwan berdarah sejuk yang hidup di dalam air serta bernafas melalui insang dan mempunyai sirip untuk berenang. Akta 317, Undang-undang Malaysia (2012) pula mendefinisikan ikan sebagai:

*Any aquatic animal or plant life, sedentary or not, and includes all species of finfish, crustacea, mollusca, aquatic mammals, or their eggs or spawn, fry, fingerling, spat or young, but does not include any species of otters, turtles or their eggs.*

Berdasarkan maklumat peribahasa yang dikumpulkan, terdapat 135 peribahasa Melayu yang berasaskan ikan. Contohnya adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1.

Selain daripada peribahasa yang menyebutkan ikan secara umum, terdapat juga peribahasa yang menyebutkan nama ikan secara khusus, seperti dalam Jadual 2.

JADUAL 1. Peribahasa yang berunsurkan ikan

Peribahasa	Makna
<i>ikan lagi di laut, lada garam sudah disengkalan</i>	membuat persediaan untuk mengecap hasil daripada sesuatu perkara yang belum tentu diperoleh.
<i>melukah ikan di dalam panai</i>	menganiayai orang yang paling rapat dengan kita
<i>memancing ikan di dalam belanga</i>	mencari keuntungan daripada orang yang paling dekat dengan kita
<i>kecil umpan ikan besar</i>	dengan usaha yang sedikit dapat menghasilkan pekerjaan yang besar
<i>sungguh kawat yang dibentuk ikan ditebat yang diadang</i>	tipu muslihat yang tersembunyi untuk mencari keuntungan diri sendiri
<i>tak keruh laut oleh ikan, tak runtuh gunung kerana kabut</i>	adat yang mutlak tidak akan berubah walau ada fahaman yang baru.

JADUAL 2. Peribahasa berunsurkan nama ikan secara khusus

Peribahasa	Makna
<i>Siakap, senohong, gelama, ikan duri, bercakap bohong lama-lama mencuri</i>	Perbuatan yang jahat jika tidak dicegah lama-lama akan menjadi lebih buruk
<i>bagai anak sepat ketohoran</i>	berbaring dan bermalas-malas saja di rumah orang lain
<i>apa kurang belida, sisik ada tulang pun ada</i>	mempunyai segala keperluan yang diperlukan
<i>bagai buntal kembung</i>	orang yang bodoh sombong
<i>bagai ikan lampam di ulak jamban</i>	orang yang mendapat hasil daripada pendapatan yang tidak baik
<i>seperti keli dua selubang</i>	seorang perempuan yang mempunyai dua orang kekasih
<i>bagai haruan di dalam tuar</i>	keadaan yang tidak tetap kerana sakit dan susah

Penyelidikan terhadap data peribahasa yang dikumpulkan, turut membawa kepada pengetahuan tentang kewujudan ikan-ikan lain, yang sudah tidak dikenali, khususnya oleh generasi hari ini. Disebabkan kurangnya pengetahuan tentang nama-nama ikan yang ada, penyelidik hampir tidak mengetahui bahawa terdapat nama ikan di dalam peribahasa tersebut. Berdasarkan klu daripada perkataan tertentu, misalnya bubu, lukah, laut, pancing, umpan dan sebagainya, mendorong

penyelidik untuk mengaitkannya dengan nama ikan. Inkuisitif turut menguja penyelidik untuk mencari makna perkataan yang kedengaran asing ini di dalam kamus. Ternyata, yang kedengaran asing itu ialah nama ikan, yang di luar pengetahuan masyarakat umum atau sudah jarang ditemukan pada masa kini, seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3.

Secara umumnya, penyelidikan ini merakamkan 35 nama ikan, seperti yang disenaraikan dalam Jadual 4.

JADUAL 3. Peribahasa berunsurkan nama ikan yang jarang didengari

Peribahasa	Makna
Mengail yu dapat <b>setoka</b>	Lain yang dihajati lain pula yang diperoleh
Bagai <b>bujuk</b> lepas dari bubu	pergerakan yang terlalu cepat
Membuat diam-diam <b>lepu</b>	Berpura-pura baik sementara ada kesempatan untuk berbuat jahat
Habis umpan <b>kerong-kerong</b> tak dapat	perbuatan dan usaha yang mendatangkan rugi
Lubuk dalam <b>sikitang-kitang</b> yang empunya	Masing-masing orang itu dengan daerahnya sendiri-sendiri
Seperti <b>yu kia-kia</b> , kepala yu ekor pari	Kata-kata seseorang yang sering berubah-ubah.

JADUAL 4. Nama-nama ikan yang terdapat dalam peribahasa Melayu

Bil.	Nama Tempatan	Nama saintifik	Habitat	Kekerapan
1.	Belida	Notopterus Chitala	AT	1
2.	Belukang	Tachysurus leiotetocephalus	AT	1
3.	Setoka	Trygon spp.	AM	1
4.	Temenung	Rastrelliger kanagurta	AM	1
5.	Bilis	Anchoviella spp.	AM	1
6.	Bujuk	Ophiocephalus spp.	AM	1
7.	Cencaru	Megalaspis cordyla	AM	1
8.	Gemi	Remora spp.	AM	1
9.	Juara	Pangasuis spp.	AT	1
10.	Kemi	Echeneis naucrates.	AM	1
11.	Kerong-kerong	Therapon jarbua/ Plectorhynchus cuvieri	AM	1
12.	Lais-lais	Ompok limaculatus	AT	1
13.	Lampam	Puntius schwanefeldii	AT	1
14.	Puyu	Anabas Testudineus	AT	1
15.	Sikitang-kitang	<i>Scatophagus</i>	AM	1
16.	Toman	Channa Micropeltes	AT	1
17.	Gelama	Umbrina russellii	AM	1
18.	Duri	Arius spp.	AM	1
19.	Senohong	Polynemus spp.	AM	1
20.	Siakap	Lutjanus argentimaculatus	AM	1
21.	Belanak	Mugil spp.	AM	2
22.	Jerung	Carcharias dussumieri	AM	2
23.	Lepu	Pterois russellii	AM	2
24.	seluang	asbora spp.	AT	2
25.	Keli	Clarias Batrachus	AT	3
26.	Limbat	Clarias nieuhofi.	AT	3
27.	Pari	Dasyatis kuhli spp.	AM	3
28.	Badar		AM	3
29.	Buntal	Tetrosomus spp.	AT	4
30.	Duyung	Halicora dugong	AM	4
31.	Haruan	Ophicephalus striatus	AT	4
32.	Yu	Carcharias dussumieri	AM	4
33.	Sepat	Trichogaster microlepis	AT	5
34.	Baung	Mystus nemurus	AT	5
35.	Belut	Fluta alba	AT	14
JUMLAH				81

Berdasarkan jadual tersebut dilihat bahawa kebanyakan ikan yang sering disebut dalam peribahasa Melayu ialah ikan jenis air tawar, sungai, paya dan tasik. Hal ini demikian kerana pekerjaan orang pada zaman dahulu adalah sebagai nelayan dan petani. Sebagai petani mereka akan bertemu dengan ikan di sawah ketika menanam padi. Pada masa-masa tertentu pula mereka akan menangkap ikan di sungai dan tasik. Mereka sangat mahir dengan selok-belok tentang ikan, sehingga boleh mengetahui tempat yang banyak ikan dan kaedah yang sesuai untuk menangkap ikan. Peribahasa *terkilat ikan jala tiba* menunjukkan kemahiran dan kecekapan orang Melayu tentang ikan.

Selanjutnya, beberapa peribahasa seperti *jong pecah, yu yang kenyang* dan *jerung bukan sebarang jerung, jerung tersepit dipagar* pula memberikan gambaran bahawa orang Melayu juga bukan sekadar nelayan kecil tetapi juga pelayar yang handal di tengah lautan. Hanya mereka yang mahir dengan selok-belok lautan luas, yang dapat melihat dan mengamati ikan-ikan besar seperti yu dan jerung.

Hari ini, masyarakat moden cenderung untuk memelihara ikan di dalam akuarium atau kolam kecil sebagai terapi minda. Memelihara binatang seperti ikan merupakan hiburan yang mampu mengalihkan perhatian daripada suatu permasalahan kepada objek yang dipelihara (Sukadiyanto 2010). Memerhatikan tingkah laku ikan akan membuatkan seseorang menjadi lebih tenang, kerana ikan, khususnya ikan air tawar bersifat latif dan mampu membangkitkan

semangat hayati. Memandangi gerakan ikan yang sedang berenang, yang terkadang berkejaran boleh menghilangkan tekanan. Kajian psikologi (Anonim 2015) mendapati bahawa suara air mengalir dan kecipak yang ditimbulkan ikan di dalamnya dapat menurunkan risiko strok dan kemurungan, serta dapat digunakan sebagai media terapi penghidap skizofrenia. Menyelami karakteristik ikan pula dapat menimbulkan rasa tenang sebagaimana yang tercermin dalam kehidupan ikan itu sendiri. Justeru, tidak hairan jika perilaku ikan banyak digunakan dalam peribahasa Melayu kerana masyarakat Melayu lama lebih dahulu memerhatikan perilaku ikan-ikan tersebut, terutama bagi mengenal pasti alat yang sesuai digunakan untuk menangkap ikan. Setiap perilaku diperhatikan dan dijadikan perlambangan atau ibarat citra kehidupan manusia, sama ada positif atau negatif. Citra yang negatif menjadi sempadan, sementara yang positif dijadikan panduan.

Berbalik kepada data peribahasa berunsurkan ikan. Setelah mengenal pasti dan membuat pembersihan data, peribahasa ikan dikelompokkan mengikut domain untuk memudahkan analisis, bagi menjawab objektif kajian ini. Peribahasa dianalisis bersama kata yang berkolokasi dengannya atau kata yang membawa maklumat tambahan sebagai rujukan. Rujukan yang dimaksudkan ialah maksud peribahasa yang dianalisis. Jadual 5 adalah contoh pengelasan domain dan rujukan leksikal daripada peribahasa berunsurkan ikan.

JADUAL 5. Pengelasan domain dan rujukan leksikal daripada contoh peribahasa berunsurkan ikan

Peribahasa	Makna	Leksikal	Rujukan	Domain
Ikan belum dapat, airnya sudah keruh	Keadaan menjadi buruk sebelum sesuatu pekerjaan itu selesai.	Ikan	Air keruh	Berhati-hati/ teliti
Kail sebetuk umpan seekor, sehari putus sehari berhanyut	Suatu harapan yang sedikit atau tipis, jika terlepas maka sia-sialah segala penat lelah yang dilakukan beberapa lama	Kail, umpan	Putus, hanyut	Berhati-hati/ teliti
Ikan biar dapat, serampang jangan pukah	Pekerjaan yang dibuat itu biarlah mendapat faedah supaya jerih perih jangan hilang percuma.	ikan	Serampang jangan pokah	Berhati-hati/ teliti
Jangan disangka ikan lais-lais tiada menyengat	Jangan dipermudahkan orang yang lemah, ada kalanya ia boleh menyusahkan orang yang kuat.	Ikan lais	Disangka tidak menyengat	Berhati-hati/ teliti
Ikan dilaut, asam di gunung, bertemu juga di dalam belanga	Jika sudah jodoh, akan berkahwin juga walaupun jauh.	ikan	Bertemu asam	jodoh

Peribahasa	Makna	Leksikal	Rujukan	Domain
Seperti gemi berjodoh dengan ikan	Pertemuan yang sangat sesuai	ikan	Bertemu gemi	jodoh
Seperti kemi lekat di ikan	Pasangan kekasih (suami isteri) yang tidak dapat dipisahkan.	ikan	Kemi lekat	jodoh
Siakap, senohong, gelama, ikan duri, bercakap bohong lama-lama mencuri	Perbuatan yang jahat jika tidak dicegah lama-lama akan menjadi lebih buruk	Ikan	Bohong, mencuri	Kebiasaan
Bagai anak sepat ketohoran	Berbaring dan bermalas-malas saja di rumah orang lain	sepat	ketohoran	Kebiasaan
Lubuk dalam sikitang-kitang yang empunya	Masing-masing orang itu dengan daerahnya sendiri-sendiri	Sikitang-kitang	Lubuk dalam	kekuasaan
Melukah ikan di dalam panai	Menganiyai orang yang paling rapat dengan kita	ikan	Dalam panai	Khianat
Memancing ikan di dalam belanga	Mencari keuntungan daripada orang yang paling dekat dengan kita	ikan	Dalam belanga	Khianat
Sungguh kawat yang dibentuk ikan ditebat yang diadang	Tipu muslihat yang tersembunyi untuk mencari keuntungan diri sendiri	Ikan ditebat	diadang	Khianat
Seperti yu kia-kia, kepala yu ekor pari	Kata-kata seseorang yang sering berubah-ubah.	Kepala yu	Ekor pari	khianat
Kecil umpan ikan besar	Dengan usaha yang sedikit dapat menghasilkan pekerjaan yang besar	ikan	umpan	Rezeki
Tuba habis ikan tak dapat	Pekerjaan yang tidak mendatangkan faedah.	ikan	Tuba habis; tak dapat	Sia-sia
Nak menanggung ikan, tertanggung ke batang	Hendak untung, langsung jadi rugi.	ikan	Tertanggung batang	Sia-sia
Habis umpan kerong-kerong tak dapat	Perbuatan dan usaha yang mendatangkan rugi.	Kerong-kerong	Umpan habis	Sia-sia
Ikan lagi di laut, lada garam sudah disengkalan	Membuat persediaan untuk mengecap hasil daripada sesuatu perkara yang belum tentu diperoleh.	Ikan di laut	Lada garam disengkalan	Sia-sia
Mengail yu dapat setoka	Lain yang dihajati lain pula yang diperoleh	Yu	Dapat setoka	sindiran
Bagai bujuk lepas dari bubu	Pergerakan yang terlalu cepat	Bujuk	lepas	sindiran
Membuat diam-diam lepu	Berpura-pura baik sementara ada kesempatan untuk berbuat jahat	Lepu	diam	Sindiran
Apa kurang belida, sisik ada tulang pun ada	Mempunyai segala keperluan yang diperlukan	belida	Sisik, tulang	sindiran
Bagai buntal kembang	Orang yang bodoh sombong	buntal	kembang	sindiran
Bagai ikan lampam di ulak jamban	Orang yang mendapat hasil daripada pendapatan yang tidak baik	lampam	Ulak jamban	sindiran
Seperti keli dua selubang	Seorang perempuan yang mempunyai dua orang kekasih	Keli	selubang	sindiran
Bagai haruan di dalam tuar	Keadaan yang tidak tetap kerana sakit dan susah	haruan	tuar	sindiran

Daripada jadual tersebut, leksikal ikan dianalisis bersama kata yang berkolokasi dengannya atau kata yang membawa maklumat tambahan sebagai rujukan. Menurut Imran Ho (2000), struktur semantik sesuatu kata itu dapat dianggap sebagai suatu kategori yang mempunyai teras (prototaip) dan unsur pinggiran. Justeru, kepelbagaian rujukan dan kepelbagaian makna merupakan perkara biasa dalam bahasa. Dalam konteks kajian ini, leksikal ikan tidak akan dinilai sendiri melainkan dengan kata yang berkolokasi dengannya atau kata yang boleh dijadikan rujukan, iaitu maksud peribahasa yang dianalisis. Bagi tujuan perbincangan, kertas ini hanya akan membincangkan peribahasa yang mewakili domain berhati-hati atau teliti.

### ANALISIS PERIBAHASA IKAN

Dalam kehidupan seharian, orang Melayu bukanlah orang yang suka bermalas-malas dan melakukan pekerjaan secara sambil lewa. Justeru, orang tua-tua sentiasa mengingatkan agar kita sentiasa berhati-hati/teliti dalam melakukan pekerjaan, *ikan biar dapat, serampang jangan pokah*; di samping memastikan setiap pekerjaan itu memberikan hasil, orang tua menasihati kita, *jangan tuba habis, ikan tak dapat* atau *jangan habis umpan kerong-kerong tak dapat*. Oleh itu, bagi memastikan pekerjaan yang dilakukan benar-benar berhasil, maka perlu ada strategi, *jangan ikan di hulu tuba dihilir*. Persoalannya, adakah peribahasa tersebut hanya sebatas untuk memberitahu bahawa membuat sesuatu itu mesti berhati-hati agar kita mendapatkan apa-apa yang kita hajati? Bagi memperoleh gambaran yang lebih jelas tentang kepentingan unsur ikan dalam masyarakat, di samping sikap berhati-hati dan ketelitian yang tinggi dalam masyarakat Melayu tulisan ini hanya akan memberikan tumpuan kepada satu peribahasa, iaitu ‘ikan biar dapat, serampang jangan pokah’ daripada domain yang berkaitan. Contoh data korpus adalah seperti yang berikut:

Kalau hendak menjadi peminat politik, perlulah memahami perasaan pengundi setempat supaya kempen mendapat sambutan dan menang pilihan raya, *ikan biar dapat, serampang jangan pokah*, nasihat Haji Alias kepada anaknya.

(<http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/serampang>).

Dalam peribahasa ini, leksikal ikan (hasil) berkolokasi dengan serampang, iaitu sejenis alat yang digunakan untuk menangkap ikan (pekerjaan).

Sedangkan dalam petikan contoh ayat hasil merujuk kepada “menang pilihan raya” dan pekerjaannya ialah “memahami perasaan”. Mudah-mudahan, apabila kita melakukan sesuatu pekerjaan, hendaklah memberikan hasil atau pulangan. Sedangkan “jangan pokah” bermaksud hendaklah berhati-hati agar tidak menimbulkan kerugian. Persoalannya, mengapa ikan? Dan mengapa pula serampang?

### AKAL BUDI DAN FALSAFAH IKAN DALAM PERIBAHASA MELAYU

Menurut Muhammad Haji Salleh (2012), bangsa Melayu asalnya bangsa yang hidup di tepi sungai dan laut, tamadunnya dibesarkan di kuala dan di tepi pantai, contohnya Palembang, Temasik, Bentan, Johor, Kelantan, dan Pahang. Aripin (1993) pula mengatakan bahawa peribahasa tentang ikan ini menceritakan bahawa kehidupan masa lalu orang Melayu sememangnya dekat dengan sungai. Kepentingan sungai bukan sekadar sebagai jalan perhubungan, tetapi juga sebagai sumber rezeki kepada manusia. Ikan-ikan yang terdapat di dalam paya, sungai atau kawasan berair lainnya pula merupakan sumber protein yang paling penting dan murah. Hal ini bukan bermakna sumber protein daripada haiwan lain, seperti lembu, kambing dan ayam tidak penting, tetapi makanan tersebut termasuk sebagai makanan mewah dan dikhususkan untuk perayaan tertentu sahaja, misalnya hari raya dan majlis kenduri-kendara. Selain daripada harganya yang mahal, kaedah penyimpanannya juga agak sukar. Namun, hal tersebut bukanlah suatu yang utama, sebaliknya ada “rahsia” lain yang berkaitan dengan ikan, sehingga masyarakat Melayu ketika itu memilih ikan berbanding haiwan lain. Kelebihan ikan turut disebutkan dalam al-Quran, surah al-Ma’idah, ayat 96:

Dihalalkan bagimu haiwan buruan laut dan makanan yang berasal dari laut sebagai makanan yang lazat bagimu, dan bagi orang yang dalam perjalanan; dan diharamkan atasmu binatang buruan darat, selama kamu dalam ihram. Dan bertaqwalah kepada Allah, yang kepadanya kamu akan dikumpulkan.

Perakuan Allah SWT tentang ikan di dalam al-Quran membuktikan bahawa makanan bersumberkan ikan memang sangat istimewa dan mempunyai khasiat yang baik untuk kesihatan manusia. Kajian membuktikan bahawa manusia mengambil lebih banyak ikan sebagai sumber protein berbanding haiwan-haiwan lain. *Food and Agriculture Organization* (FAO) of the United



Nation (1998) menganggarkan antara 15 hingga 20 peratus protein haiwan datang daripada haiwan akuatik. Menurut Mansor Mat Isa (1996), selain murah, ikan juga mempunyai nilai perubatan yang sangat baik, contohnya, ikan haruan yang mampu memulihkan luka dalaman dan sesetengahnya pula mempunyai kandungan lemak tidak larut yang baik untuk penghidap sakit jantung. Pengambilan sumber protein daripada sumber ikan boleh dipelbagaikan, sama ada dimakan mentah, disalai dengan adunan rempah-ratus, atau dikeringkan dengan kandungan garam yang bersesuaian. Menurut Ahmad Sabri Abu Hassan (2014), bahagian terbaik pada ikan ialah bahagian berdekatan ekor. Ikan segar dan berdaging tebal dapat menyuburkan tubuh dan memperbaiki jaringan tubuh. Walaupun masyarakat Melayu dahulu tidak mampu untuk menjelaskan kebaikan ikan secara saintifik, namun pengalaman mereka yang luas tentang alam memahirkan mereka untuk memilih yang baik dan yang buruk.

Menurut Ridwansyah (2002), keunggulan ikan adalah pada daya cerna proteinnya yang sangat tinggi, iaitu mencapai 95.0%. Kandungan asid amino perlunya pula menyamai daging haiwan menyusui, dan menurut Khomsan (2002), selain mudah dicerna, asid amino perlu yang terdapat dalam ikan mempunyai pola yang hampir sama dengan pola asid amino dalam tubuh manusia. Penyelidikan sains juga mendapati bahawa ikan adalah sumber makanan yang paling kaya dengan asid lemak omega-3 yang sangat diperlukan oleh tubuh manusia. Asid lemak daripada sumber ikan penting untuk membantu menghilangkan keletihan dan meningkatkan keupayaan mental dan fizikal.

Selanjutnya, penyelidikan dalam bidang sains membuktikan bahawa ikan mengandungi asid lemak yang terdiri daripada EPA (*eicosapentaenoic acid*) dan DHA (*docosahexaenoic acid*), yang sangat sesuai untuk otak kerana tisu otak juga terdiri daripada asid lemak DHA yang mengandungi Omega-3. Penyelidik dari *Harvard School of Public Health* (<http://www.hsph.harvard.edu/nutritionsource/omega-3-fats/>) mendapati bahawa Omega-3 pada ikan dapat membantu meningkatkan fokus mental pada kanak-kanak dan orang dewasa. Asid lemak Omega-3 yang terdapat dalam ikan juga sangat baik untuk kesihatan jantung. Penyelidikan dari *University of Georgia* (<http://www.Commonsensehealth.com>) pula mendapati bahawa minyak ikan dengan DHA dapat membantu menghentikan penukaran pra sel lemak ke dalam sel lemak sehingga mengurangi penimbunan lemak secara keseluruhan. Penyelidikan

turut membuktikan bahawa asid lemak Omega-3 dalam ikan dapat membantu mengurangkan risiko tiga jenis barah yang paling umum, iaitu barah payudara, kolon, dan prostat. Selanjutnya, Peiying Yang et al. (2004) mendapati bahawa asid lemak omega-3 (EPA) yang ditemukan dalam minyak ikan dapat membantu mencegah kerepot dan menunda proses penuaan kulit. Kajian juga menunjukkan bahawa prostaglandin E<sub>3</sub> (PGE<sub>3</sub>) dalam asid lemak omega-3 (EPA) dapat mengurangkan pertumbuhan sel barah paru-paru A549.

Hakikatnya, walaupun manusia Melayu pada masa yang lampau tidak belajar secara formal hingga ke peringkat universiti seperti yang ada sekarang, namun alam sekeliling mereka adalah universiti terbaik bagi mereka, sehingga mereka mampu mengungkapkan rangkaian ilmu yang sangat bermanfaat melalui cara yang paling bijaksana dan berhemah tanpa perlu menyinggung perasaan atau merendahkan pengetahuan orang lain.


Berbalik kepada peribahasa, *ikan biar dapat, serampang jangan pokok*. Setelah menyelidik keistimewaan ikan, kita kembali kepada persoalan mengapa serampang? Mengapa “serampang jangan pokok” dikaitkan dengan “berhati-hati agar tidak menimbulkan kerugian”?

Serampang ialah sejenis tombak yang hujungnya bercabang tiga, yang digunakan untuk menangkap ikan, sebagai senjata dan lain-lain. (*Kamus Dewan* 2004), manakala pokok pula bermaksud patah atau rosak. *Serampang* mempunyai dua bentuk mata, iaitu panjang dan pendek. *Menyerampang* ikan dilakukan semasa air sungai jernih atau semasa bulan cerah. *Serampang* juga digunakan ketika ikan mabuk, iaitu semasa air hulu turun ke hilir selepas hujan lebat (<http://www.mykedah2.com>).

Serampang terdiri daripada dua bahagian, iaitu bahagian ulu atau batang dan bahagian hujung yang berupa besi tajam yang runcing. Panjangnya antara 200 hingga 250 sentimeter dan bilah tajamnya terdiri daripada tiga hingga lima bilah berukuran antara 15 hingga 25 sentimeter. Oleh sebab itu, kita sering kali menemukan ungkapan “serampang dua mata” dalam melaksanakan strategi organisasi. Bagi sesetengah masyarakat yang tidak pernah mengenali kegiatan nelayan secara dekat, pasti membayangkan serampang itu hanyalah sejenis alat untuk menangkap ikan yang biasa-biasa sahaja dan boleh dibuat oleh sesiapa sahaja. Apatah lagi dengan adanya kata “pokah” atau patah dalam peribahasa tersebut. Mungkin juga yang dibayangkan ialah alat yang diperbuat daripada buluh, seperti galah sangkak

untuk mengait manggis kerana lazimnya buluh mudah patah atau mudah pecah. Jika demikian yang kita bayangkan, lalu apakah kaitannya peribahasa *ikan biar dapat, serampang jangan pokah* dengan maksud berhati-hati atau teliti? Tidakkah biasanya yang kita jaga dengan baik dan yang kita gunakan dengan berhati-hati pastilah sesuatu yang baik, yang sukar diperoleh atau yang bernilai? Hal ini tentulah tidak berkaitan dengan ikan, sebaliknya tentulah serampang.

Menyingskap pengetahuan tentang serampang, pengkaji mendapati bahawa membuat serampang bukanlah suatu pekerjaan yang mudah. Sekalipun bahagian ulunya mampu disediakan oleh sesiapa sahaja kerana boleh dibuat menggunakan buluh, rotan, uyung atau hanibung daripada pokok palma, namun mata serampang dibuat oleh pandai besi agar hasilnya cantik, kuat dan tahan lama. Lazimnya, bahan yang digunakan oleh si pandai besi untuk membuat mata serampang ialah besi 'begel' yang berkualiti rendah hingga sederhana kerana bentuknya sudah sedia bulat runcing dan mudah ditempa. Hujung besi dibengkokkan mengikut jumlah mata dan ukuran serampang yang akan dibuat dan bahagian ini dipasangkan pengait supaya mangsa yang tertusuk tidak mudah terlepas. Mata serampang dan pengait kemudiannya ditempa semula supaya pangkalnya menyatu dan menjadi gagang atau puting; iaitu bahagian untuk dimasukkan batang rampang (Indones 1992). Gambar 1 yang berikut adalah contoh serampang yang dimaksudkan.



GAMBAR 1. Serampang

Sumber: <http://hartamto.blogspot.com/2013/03/bayonet.html>

Gambar 1 ternyata berjaya mengubah bayangan penyelidik tentang serampang. Alat yang sedemikian cantik dan kukuhnya pasti dibuat oleh seseorang yang benar-benar mahir. Pembuatannya memerlukan kepandaian, ketelitian, ketekunan dan kesabaran. Tanpa nilai-nilai tersebut tidak mungkin terwujud sebuah serampang yang cantik, penuh makna dan bermanfaat. Alangkah rugi dan sia-sia jika serampang tersebut pokah atau

patah hanya disebabkan kecuaiannya atau sikap tidak berhati-hati dan tidak teliti penggunaannya sehingga tidak mendatangkan hasil. Nilai-nilai inilah yang ingin ditanamkan dalam kehidupan seharian orang Melayu. Di sinilah letaknya nilai budi masyarakat Melayu lama, yang tersurat penuh makna, yang tersirat perlu dicerna. Hakikatnya, ketelitian masyarakat Melayu memilih semua unsur alam yang dilihatnya dan dikaitkan dengan sifat dan makna peribahasa bukanlah suatu yang sambil lewa sifatnya. Dalam mengungkapkan nilai budi masyarakat Melayu melalui peribahasa ini, maklumat konteks dan budaya yang melingkungi masyarakat haruslah dipadukan agar falsafah di sebalik makna yang hendak disampaikan dapat dicungkil.

## KESIMPULAN

Pelbagai penyelidikan tentang peribahasa, fungsi dan peranannya telah dilakukan sebelum ini, sekali gus memberi gambaran bahawa peribahasa merupakan khazanah yang amat penting dan bernilai dalam budaya kita. Masyarakat Melayu lama menggunakan peribahasa dalam segala lapangan hidup. Justeru, banyak pengajaran yang boleh dicungkil di sebalik peribahasa. Semuanya bergantung kepada sudut pandang penuturnya. Peribahasa tidak seharusnya difahami secara harfiah kerana maknanya tersimpul secara tersirat. Hal ini bermakna pemikiran Melayu hanya dapat dicungkil setelah kita berjaya memahami apa-apa yang terselindung di sebalik susunan kata-kata yang indah ini. Sebagai masyarakat yang mengamalkan ajaran Islam dan sangat dekat dengan al-Quran, orang Melayu menggunakan kaedah yang sama dalam mendidik generasinya. Dengan kata lain, jika dalam al-Quran Allah SWT banyak menggunakan perumpamaan dan perlambangan untuk menegur hamba-Nya, supaya hamba-Nya berfikir, maka orang Melayu juga menggunakan perumpamaan dan perlambangan untuk menyampaikan maklumat dan akal budi Melayu kepada generasi penerusnya.

## RUJUKAN

- Ahmad Mustafa Al-Maraghy. 2001. *Tafsir A-Maraghy Jilid 1, juzuk 1& 2*. Terj. Muhamad Thalib. Kuala Lumpur: DBP.  
Ahmad Sabri Abu Hassan. 2014. *Menu Sihat Inspirasi Rasulullah*. Selangor: PTS Millennia.

- Anonim. 2015. Memelihara ikan: Sebuah langkah sehat dan menyenangkan untuk seimbang dengan alam. <http://www.pusattoko.com>. Tarikh capaian: 10 Julai 2015.
- Astawan M. 2005. Ikan air tawar kaya protein dan vitamin. <http://www.senior.co.id>. Tarikh capaian: 8 Julai 2015.
- Awang Sariyan. 2009. Peranan bahasa dalam pembinaan insan dan pembangunan masyarakat hadhari. *Jurnal Hadhari* 1: 1-29.
- Ciardelli, I., Gronendijk, J. & Roelofsen, F. 2012. *Inquisitive Semantics*. NASSLLI 2012 Lecture notes.
- Fisheries Act*. 2006. The Commissioner of Law Revision, Malaysia Under The Authority of The Revision of Laws Act 1968 In Collaboration With Percetakan Nasional Malaysia Bhd. [http://www.dof.gov.my/en/c/document\\_library](http://www.dof.gov.my/en/c/document_library). Tarikh capaian: 9 Julai 2015.
- Food and Agriculture Organization (FAO) of the United Nation. 1998. Proteins from fish and fish products. <http://www.fao.org/fishery/en>. Tarikh capaian: 10 Ogos 2015.
- Harian Kompas*. 2011. 9 Alasan mesti makan ikan. <http://health.kompas.com/read/2011/07/29/1654170/9.alasan.mesti.makan.ikan>. Tarikh capaian: 7 Ogos 2015.
- Harvard School of Public Health. tt. Omega-3 fatty acids: An essential contribution. <http://www.hsph.harvard.edu/nutritionsource/omega-3-fats/>. Tarikh capaian: 11 Ogos 2015.
- Himawati. 2010. Pengaruh penambahan asap cair tempurung kelapa destilasi dan redestilasi terhadap sifat kimia, mikrobiologi, dan sensoris ikan pindang layang (*Decapterus Spp*) selama penyimpanan. Tesis, Universitas Sebelas Maret. Surakarta. [www.distrodoc.com](http://www.distrodoc.com) Tarikh capaian: 5 Ogos 2015.
- Hishamudin Isam, Mashetoh Abd Mutaliba, Norma Saada & Nasariah Mansora. 2014. Domain changes in defining darah (blood): An Analysis of communication style in Malay proverbs. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 155 ( 2014 ) 209 – 214 The International Conference on Communication and Media 2014 (i-COME'14), 18-20 October 2014, Langkawi <http://www.sciencedirect.com>. Tarikh capaian: 5 Julai 2015.
- Imran Ho Abdullah. 2011. Analisis kognitif semantik peribahasa Melayu bersumberkan anjing (*canis familiaris*). *Online™ Journal of Language Studies* 83 Volume 11(1): 125-141.
- Indones, Noor, Darnys, R. & Ramlan, E. 1992. *Senjata Tradisional Daerah Sumatera Selatan*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Institute of Nutrition, Mahidol University. 2014. *ASEAN Food Composition Database, Electronic version 1*, February 2014, Thailand. [http://www.inmu.mahidol.ac.th/aseanfoods/doc/ASEAN\\_FCD\\_V1\\_2014.pdf](http://www.inmu.mahidol.ac.th/aseanfoods/doc/ASEAN_FCD_V1_2014.pdf). Tarikh capaian: 10 Julai 2015.
- Irianto, H. E. & Soesilo, I. 2007. *Dukungan Teknologi Penyediaan Produk Perikanan*. Jakarta: Badan Riset Kelautan dan Perikanan Departemen Kelautan.
- Khomsan, A. 2004. *Ikan, Makanan Sehat dan Kaya Gizi dalam Peranan Pangan dan Gizi untuk Kualitias Hidup*. Jakarta: PT Gramedia.
- \_\_\_\_\_. 2004. *Manfaat Omega-3, Omega-6, dan Omega-9, dalam Peranan Pangan dan Gizi untuk Kualitas Hidup*. Jakarta: PT Gramedia.
- Mansor Mat Isa. 1996. Ikan dan Sumbangannya kepada Sektor Perikanan Negara. Surat kepada Pengarang Ruang Pendidikan BH (Prk. Tr. Peny. 311/2 Ild. 3(80). <http://219.93.200.217:8081/xmlui/bitstream/handle/123456789/411/ikan%20dan%20sumbangannya%20kepada%20sektor%20perikanan%20negara%201995.pdf?sequence=1> Tarikh capaian: 5 Ogos 2015.
- Marada, H. 2014. *Pengaruh lama penyimpanan ikan cakalang (katsuwonus pelamis) pada suhu freezer terhadap jumlah bakteri*. Tesis Universitas Negeri Gorontalo. <http://Eprints.Ung.Ac.Id/5262/>. Tarikh capaian: 5 Ogos 2015.
- Mohd Supian Sabtu. 2013. Bangsa Melayu dalam konteks arkeologi dan sejarah awal. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 26.
- Mukti, R. W. 2005. Teknologi pemberokan untuk menghilangkan bau lumpur pada ikan patin pangasius sp (bahan tidak terbit). Institut Pertanian Bogor <http://repository.ipb.ac.id/handle/123456789/14095>. Tarikh capaian: 17 Ogos 2015.
- Neo K. S., Heng B. C. & Lee S. Y. 2014. Metafora imej-imej dalam peribahasa Melayu dan Cina. (bahan tidak diterbitkan). Akademi Pengajian Bahasa, UiTM, Shah Alam. <http://versys.uitm.edu.my/prisma/view/viewPdf.php?pid=53086>. Tarikh capaian: 10 Julai 2015.
- Nettleton, J. A. 1995. *Omega-3, Fatty Acid and Health*. USA: Chapman & Hall.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. 2010. Remaja Malaysia dan peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik* 10 (Edisi Khas): 158 – 172.
- \_\_\_\_\_. 2014. *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Omega-3 Fish oil Weight Loss Benefit*. <http://www.common sensehealth.com/omega-3-fish-oil-weight-loss-benefits/>. Tarikh capaian: 21 Ogos 2015.
- Peiying Yang, Chan, D., Felix, E., Cartwright, C., Menter, D. G., Madden, T., Klein, R. D., Fischer, S. M. & Newman, R. A. 2004. Formation and antiproliferative effect of prostaglandin E3 from eicosapentaenoic acid in human lung cancer cells *J. Lipid Res.* 2004 45(6): 1030-1039. doi:10.1194/jlr.M300455-JLR200.
- Penangkapan Ikan Air Tawar Cara Tradisional. [http://www.mykedah2.com/10heritage/108\\_4\\_p4.htm#sub14](http://www.mykedah2.com/10heritage/108_4_p4.htm#sub14). Tarikh capaian: 8 Julai 2015.
- Ragavan, R. & Che Ibrahim Salleh. 2015. Peribahasa Melayu dan Peribahasa Tamil dari aspek sosial. *Journal of Business and Social Development* 3(1): 66 – 75.
- Ridwansyah, 2002. Pengaruh konsentrasi Hidrogen Peroksida (H<sub>2</sub>O<sub>2</sub>) dan lama perendaman terhadap mutu ikan kembung yang pindang. <http://repository.usu.ac.id/bitstream>. Tarikh capaian: 10 Julai 2015.
- Rozaimah Rashidin dan Noriza Daud. 2009. Unsur perlambangan dalam bahasa Melayu: Satu analisis Teori Relevans. *Jurnal Aswara*. [http://www.aswara.edu.my/c/document\\_library/get\\_file?](http://www.aswara.edu.my/c/document_library/get_file?) Tarikh capaian: 13 Julai 2015.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali dan Mohd. Rasdi Saamah. 2013. Haiwan sebagai perlambangan dalam peribahasa orang Semai. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 13(1): 1675-8021.
- Sukadiyanto. 2010. Stress dan cara mengurangnya. *Cakrawala Pendidikan*, Februari 2010, Th. XXIX, No. 1. <http://eprints.uny.ac.id/3706/1/06Sukadiyanto.pdf>. Tarikh capaian: 8 Ogos 2015.
- Tenas Effendy. 2003. Peribahasa dalam kehidupan orang Melayu. [http://malaycivilization.ukm.my/idc/groups/portal\\_tenas/documents/ukmpd/tenas\\_42870.pdf](http://malaycivilization.ukm.my/idc/groups/portal_tenas/documents/ukmpd/tenas_42870.pdf). Tarikh capaian: 10 Julai 2015.

Undang-Undang Malaysia versi atas talian teks cetakan semula yang kemas kini Akta 317 Akta Perikanan 1985. [http://www.dof.gov.my/en/c/document\\_library](http://www.dof.gov.my/en/c/document_library). Tarikh capaian: 8 Julai 2015.

World Review of Fisheries and Aquaculture . The state of world fisheries and aquaculture. <ftp://ftp.fao.org/docrep/fao/011/i0250e/i0250e01.pdf>. Tarikh capaian: 14 Ogos 2015.

Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan. 2011. Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 11(3) September: 31-51.

Junaini Kasdan  
Felo Penyelidik  
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM  
E-mail: [junaini@ukm.edu.my](mailto:junaini@ukm.edu.my)

Nor Hashimah Jalaluddin  
Profesor di Program Linguistik  
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM  
E-mail: [shima@ukm.edu.my](mailto:shima@ukm.edu.my)

Wan Nurasikin Wan Ismail  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
E-mail: [wsikin@dbp.gov.my](mailto:wsikin@dbp.gov.my)

Diserahkan: 6 Mei 2015  
Diterima: 24 Julai 2015